



KOPERASI PELABUHAN JOHOR BERHAD

ATURAN AKTIVITI PEMBIAYAAN ANGGOTA

Tajuk dan mula berkuatkuasa

1. (1) Aturan ini dinamakan Aturan Aktiviti Pembiayaan Anggota Koperasi Pelabuhan Johor Berhad.

(2) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Aturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan juga pindaan selepasnya;

“**Koperasi**” ertinya Koperasi Pelabuhan Johor Berhad yang beralamat di No. 14, Jalan 10/17, Perkedaian Perjiranan 8, 81700 Pasir Gudang, Johor;

“**Lembaga**” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;

“**anggota**” ertinya termasuklah seseorang yang turut sama di dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota Koperasi mengikut Peraturan dan undang-undang kecil Koperasi selepas pendaftaran;

“**pemohon**” ertinya anggota Koperasi yang memohon pembiayaan anggota;

“**harga jual**” ertinya Koperasi menjual komoditi Crude Palm Oil (CPO) yang dibeli kepada pemohon dengan harga tangguh termasuk keuntungan;

“**harga beli**” ertinya harga tunai diberikan kepada pemohon mengikut jumlah pembiayaan yang dipohon;

“**Tawarruq**” ertinya transaksi jual beli komoditi CPO berasaskan pembayaran tangguh secara Murabaha (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) atau Musawamah (iaitu jual beli yang tidak mendedahkan harga kos aset dan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi CPO akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain

daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai;

“**Murabaha**” ertinya transaksi pembelian dan penjualan di mana harga kos komoditi CPO dan margin keuntungan telah diketahui oleh pembeli dan dipersetujui oleh pihak yang berkontrak. Pembayaran harga jualan boleh dibuat secara penuh atau secara berperingkat.

“**komoditi**” ertinya sandaran harta untuk aktiviti jual beli di antara pemohon dan koperasi. Sandaran harat yang digunakan ialah Crude Palm Oil (CPO);

“**wakalah**” ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh pemohon bagi menjalankan urusan jual beli komoditi CPO yang berkonsepkan Tawarruq;

“**kadar keuntungan**” ertinya berbezaan harga di antara harga jual dan harga beli;

“**penjamin**” ertinya orang yang menanggung hutang pemohon sekiranya bayaran balik hutang anggota gagal dijelaskan;

“**yuran**” ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya di dalam Koperasi inidan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta; dan

“**syer**” ertinya bahagian di dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya di dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta.

Tujuan dan jenis-jenis pembiayaan anggota

3. (1) Aturan ini diwujudkan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada anggota mendapatkan tunai bagi keperluan peribadi, menyelesaikan hutang tertunggak, keperluan pendidikan, perubatan dan lain-lain tertakluk kepada terma dan syarat dari semasa ke semasa.

(2) Terdapat tiga jenis kemudahan pembiayaan anggota iaitu:

- (a) Pembiayaan Berjamin RM10,000;
- (b) Pembiayaan Berjamin RM11,000 hingga RM20,000;
- (c) Pembiayaan 80% daripada yuran: dan
- (d) Pembiayaan Cemas.

Had dan tempoh pembiayaan peribadi berjamin

4. (1) Pembiayaan Berjamin RM10,000.00
- (a) had maksimum permohonan RM10,000.00 sahaja; dan
 - (b) tempoh ansuran bulanan maksimum selama lima tahun.

- (2) Pembiayaan Berjamin RM11,000 hingga RM20,000
 - (a) had maksimum permohonan RM20,000.00 sahaja; dan
 - (b) tempoh ansuran bulanan maksimum selama enam tahun.
- (3) Pembiayaan 80% daripada yuran
 - (a) had maksimum permohonan adalah 80% daripada yuran terkumpul; dan
 - (b) tempoh ansuran bulanan maksimum selama enam tahun untuk RM11,000 hingga RM20,000.
- (4) Pembiayaan Kecemasan
 - (a) pembiayaan kecemasan RM500 atau RM1,000 sahaja; dan
 - (b) tempoh ansuran bulanan maksimum selama enam bulan.

Kadar keuntungan

5. Kadar keuntungan koperasi ansuran bulanan berdasarkan *Rule 78* seperti berikut:

- (a) pembiayaan anggota daripada RM2,000 hingga RM20,000 kadar keuntungan adalah sebanyak enam peratus setahun; dan
- (b) pembiayaan kecemasan adalah sebanyak tiga peratus dalam tempoh pembiayaan.

Syarat-syarat permohonan pembiayaan peribadi berjamin

- 6. (1) Syarat-syarat Pembiayaan Berjamin RM10,000.00
 - (a) telah menjadi anggota koperasi selama enam bulan;
 - (b) telah membayar modal syer koperasi sebanyak RM250.00;
 - (c) satu salinan penyata gaji terkini;
 - (d) satu salinan kad pengenalan pemohon;
 - (e) salinan kad pengenalan tiga penjamin;
 - (f) caruman yuran terkumpul melebihi RM1,200.00;
 - (g) tiada rekod masalah potongan gaji bulanan di koperasi;
 - (h) dokumen tambahan jika diperlukan oleh Koperasi; dan
 - (i) bayaran kepada pemohon adalah dalam tempoh sebulan daripada tarikh permohonan.
- (2) Syarat-syarat Pembiayaan Berjamin RM11,000 hingga RM20,000
 - (a) telah menjadi anggota koperasi selama enam bulan;
 - (b) telah membayar modal syer koperasi sebanyak RM250.00;
 - (c) tiga bulan salinan penyata gaji;
 - (d) satu salinan kad pengenalan pemohon;
 - (e) salinan kad pengenalan tiga penjamin;
 - (f) caruman yuran terkumpul melebihi RM5,000.00;
 - (g) tiada rekod masalah potongan gaji bulanan di koperasi;
 - (h) dokumen tambahan jika diperlukan oleh Koperasi; dan

- (i) bayaran kepada pemohon adalah dalam tempoh sebulan daripada tarikh permohonan.
- (3) Syarat-syarat Pembiayaan 80% daripada yuran
- (a) telah menjadi anggota Koperasi selama enam bulan;
 - (b) telah membayar modal syer koperasi sebanyak RM250.00;
 - (c) satu salinan penyata gaji terkini;
 - (d) jumlah pembiayaan 80% di ambil daripada jumlah yuran terkumpul pemohon;
 - (e) satu salinan kad pengenalan pemohon;
 - (f) tiada penjamin diperlukan; dan
 - (g) bayaran kepada pemohon adalah dalam tempoh sebulan daripada tarikh permohonan.
- (4) Syarat-syarat Pembiayaan Kecemasan
- (a) telah menjadi anggota Koperasi selama enam bulan;
 - (b) telah membayar modal syer koperasi sebanyak RM250.00;
 - (c) caruman yuran terkumpul melebihi RM1,000.00;
 - (d) tiada rekod masalah potongan gaji bulanan di koperasi;
 - (e) satu salinan penyata gaji terkini;
 - (f) satu salinan kad pengenalan pemohon;
 - (g) salinan kad pengenalan dua penjamin;
 - (h) permohonan pembiayaan kecemasan kedua dipertimbangkan setelah pembiayaan kecemasan sebelumnya telah selesai secara potongan bulanan; dan
 - (i) bayaran kepada pemohon adalah dalam tempoh tiga hari berkerja.

(5) Bagi anggota yang mempunyai rekod masalah potongan gaji bulanan di koperasi seperti bayaran ansuran pembiayaan terdahulu tidak mencukupi daripada amaun ansuran bulanan, maka permohonan baharu hendaklah di buat semula selepas potongan gaji tersebut mencukupi selama 5 bulan berturut-turut secara konsisten.

Penyelesaian Awal Baki Pembiayaan Anggota

7. (1) Anggota yang berhasrat menyelesaikan awal semua hutang-hutangnya termasuk tanggungannya di koperasi melalui:
- (a) pindahan wang ke akaun bank koperasi; atau
 - (b) dijelaskan oleh bank-bank lain.
- (2) Kiraan kadar bagi penyelesaian awal baki pembiayaan anggota:
- (a) baki pembiayaan anggota yang kurang daripada RM10,000, kadar penyelesaian awal adalah 1% daripada baki terkini harga beli; atau
 - (b) baki pembiayaan anggota yang lebih daripada RM10,000, kadar penyelesaian awal adalah 2% daripada baki terkini harga beli.

(3) Untuk penyelesaian awal baki pembiayaan kecemasan dibenarkan sekiranya anggota membuat *overlap* pembiayaan sahaja. *Overlap* pembiayaan cemas dengan pembiayaan cemas yang lain adalah tidak dibenarkan.

Tanggungjawab penjamin

8. (1) Penjamin bertanggungjawab memastikan beliau tidak boleh menjamin melebihi tiga permohonan pembiayaan anggota yang telah diluluskan koperasi.

(2) Penjamin bertanggungjawab menjelaskan hutang anggota yang dijamin sekiranya gagal menjelaskan hutang dengan potongan gaji penjamin berkuat kuasa serta merta secara ansuran dalam tempoh maksimum 24 bulan.

(3) Sekiranya penjamin berhenti daripada Koperasi, adalah menjadi tanggungjawab anggota mencari penjamin baharu. Sekiranya gagal tukar penjamin yang baharu, segala caruman dan simpanan termasuk modal syer di koperasi akan ditahan sehingga diganti dengan penjamin baharu.

Tanggungjawab anggota yang memohon pembiayaan

9. (1) Adalah menjadi tanggungjawab anggota untuk,

- (a) melengkapkan dengan sempurna borang permohonan pembiayaan berserta tandatangan pemohon, penjamin-penjamin dan saksi;
- (b) menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan pembiayaan;
- (c) melantik koperasi sebagai wakil akad jual beli komoditi;
- (d) membayar perkhidmatan bank;
- (e) penolakan RM50 daripada pembiayaan yang diluluskan untuk anggota tebus barang runcit di kedai koperasi;
- (f) membayar fi jual beli tawarruq (jika ada); dan
- (g) membayar duti setem perjanjian pembiayaan (jika ada).

(2) Pembiayaan yang telah diluluskan hendaklah dilindungi sekiranya anggota gagal membayar hutang tersebut atas sebab kematian atau cacat kekal. Berikut adalah potongan daripada pembiayaan yang diluluskan:

- (a) permohonan bawah RM10,000, 1% daripada pembiayaan yang diluluskan akan ditolak bagi manfaat hapuskira baki hutang sekiranya anggota meninggal dunia; atau
- (b) permohonan RM11,000 hingga RM20,000, 2% daripada pembiayaan yang diluluskan akan ditolak bagi manfaat hapuskira baki hutang sekiranya anggota meninggal dunia atau ilat kekal. Pengesahan ilat kekal hendaklah daripada dokumen bertulis rasmi Lembaga Perubatan PERKESO.

(3) Berkenaan potongan manfaat perlindungan pembiayaan sebanyak 1% atau 2% di Perkara 9(2)(a),(b) amaun tersebut akan dikreditkan ke Tabung Kebajikan Am.

(4) Anggota hendaklah membuat bayaran ansuran pembiayaan secara potongan gaji tanpa culas sebagaimana perjanjian pembiayaan.

Syarat-syarat pembiayaan bertindih atau *overlap*

10. (1) Anggota yang mempunyai baki hutang di koperasi dibenarkan untuk membuat *overlap* semua hutang-hutang sedia ada dengan syarat-syarat berikut:

- (a) hendaklah hutang semasa pembiayaan besar telah dijelaskan 50% daripada hutang asal melalui potongan gaji;
- (b) sekiranya anggota ada tanggungan, hendaklah ditolak daripada pembiayaan *overlap* yang diluluskan;
- (c) tiada rekod masalah potongan gaji bulanan di koperasi; dan
- (d) syarat-syarat lain di Perkara 9(1)(a),(b),(c),(d),(e),(f),(g), Perkara 9(2)(a),(b) dan Perkara 9(4).

(2) Pembiayaan bertindih (*overlap*) dengan pembiayaan kecemasan yang lain adalah tidak dibenarkan.

Kuasa meluluskan pembiayaan peribadi berjamin

11. Kuasa meluluskan semua produk pembiayaan anggota diberi kuasa kepada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau Setiausaha atau Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa jika perlu.

Sumber Kewangan

12. Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini diperolehi daripada mana-mana berikut dibawah iaitu:

- (a) potongan bulanan terkumpul daripada caruman yuran anggota, modal syer dan pertaruhan khas;
- (b) dana daripada perniagaan stesen servis caltex;
- (c) peruntukan dari keuntungan bersih yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan;
- (d) melalui pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM); atau
- (e) melalui pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia.

Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil

13. Aturan ini adalah tambahan kepada Akta Koperasi 1993 dan Koperasi hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi yang dibaca bersekali.

Pertikaian


14. Perkara-perkara berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu

hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut undang-undang kecil Koperasi.


Diakui Aturan Aktiviti Pembiayaan Anggota ini telah diterima daripada usul di dalam mesyuarat agung tahunan bertarikh **empat haribulan Disember tahun dua ribu dua puluh satu.**



(ABDUL RAZAK BIN YAACOB)
(Pengerusi)



(MOHD HASSAN BIN MUM PAHAT)
(Setiausaha)



(AZMAL BIN ZAKARIA)
(Bendahari)